

**SOALAN NO. 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YANG BERHORMAT TUAN ABDULLAH SANI  
BIN ABDUL HAMID [ KUALA LANGAT ]

**TARIKH :** 19 MEI 2016

**SOALAN :**

**YB Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kuantiti kumpulan penjawat awam yang berkhidmat diikat sebagai pekerja kontrak dan mohon dikaji semula kontrak mereka dan peruntukan jangka 15 tahun dimasukkan dalam kontrak dan diserap kepada pekerja tetap seterusnya.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Mac 2016, bilangan pegawai kontrak dalam Perkhidmatan Awam adalah seramai 43,414 orang.

Berdasarkan kepada keputusan Kerajaan melalui Bajet 2016 pada 23 Oktober 2015, telah memutuskan bahawa pegawai lantikan secara kontrak perkhidmatan (*Contract of Service*) yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun boleh dilantik secara tetap mulai 1 Julai 2016 tertakluk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Setakat ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk meminda tempoh tersebut.

Cadangan untuk mengikat pekerja kontrak sehingga 15 tahun dan diserap sebagai pekerja tetap adalah tidak bersesuaian kerana pelantikan kontrak dibuat berdasarkan keperluan perkhidmatan semasa.

Sekian, terima kasih.